

## MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

BH – BISNES – 5 Ogos 2013 (C)

# Tanggung penyenaaraian Ranhill dianggap wajar

» *Pendedahan maklumat penting jadi teras utama pasaran modal negara*



→  
**RITA BENOY  
BUSHON**

**K**etidakpastian mengenai situasi tawaran awam permulaan (IPO) Ranhill Energy and Resources Bhd (Ranhill) kini sudah pun terjawab apabila ia dibatalkan pelaksanaannya.

Walau begitu, masih banyak persoalan yang belum jelas khususnya mengenai apa yang sebenarnya sudah berlaku dan mengapakah isu berkenaan muncul di saat akhir?

Kami berpendapat keputusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengarahkan penangguhan penyenaaraian Ranhill adalah wajar.

Ia sekali gus memberi mesej jelas bahawa pendedahan penting dan berkualiti, sama ada berita baik atau buruk, adalah teras utama pasaran modal kita.

Dari pandangan perlindungan pemegang saham minoriti, kejadian yang dialami Ranhill, akan menetapkan langkah awal yang ketat tetapi dialu-alukan demi masa hadapan.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sudah melanjutkan tempoh tarikh tutup rundingan sehingga 10 Ogos 2013 bagi komen dan maklum balas pihak awam mengenai Rang Undang-Undang Syarikat dan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan.

### Analisis bidang masing-masing

Ini akan memberi lebih masa kepada pihak berkepentingan untuk menganalisa bidang masing-masing dengan lebih mendalam. Kami berharap semua pihak yang berkaitan akan bekerja keras walaupun sepanjang musim perayaan ini untuk memeriksa rapi dokumen berkenaan terutama bahagian yang paling berkait rapat dengan pihak masing-masing dan memberikan maklum balas yang bernas.

Sebagai makluman, antara as-

pek yang saya percaya dialu-alukan oleh ramai pengarah adalah berkenaan pemansuhan had umur 70 tahun bagi pelantikan pengarah, yang mana sebelum ini pengarah yang berusia 70 tahun ke atas diperlukan mendapat kelulusan pemegang saham untuk dilantik semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).

Semasa sesi dialog kami dengan syarikat senaraian awam, kami mendengar banyak rungutan mengenai peruntukan had umur berkenaan.

Oleh itu, jika Rang Undang-Undang baharu ini diluluskan, semua pengarah berusia 70 tahun ke atas akan melalui proses pelantikan semula yang sama seperti pengarah-pengarah syarikat yang lain.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri" kepada semua para pembaca beragama Islam yang dijangka merayakannya pada 8 Ogos ini.



**Penulis**

ialah Ketua Eksekutif MSWG